



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR)**

SEMPENA:

PROGRAM

CAREER AND INDUSTRIAL RELATION EXPO (CaIREx) KE-17

18 OKTOBER 2023 | RABU | 2.30 PETANG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

- Yang Berusaha Puan Wan Noraini Wan Yusoff
Pengarah Pusat Kerjaya dan Kaunseling
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Yang Berusaha Tuan Ben Ho
Ketua Pegawai Eksekutif HRINCAMPUS Sdn. Bhd.
atau lebih dikenali sebagai Talentbank
- Penolong Naib Canselor
- Timbalan Rektor
- Pengarah-Pengarah dan Ketua-ketua Bahagian HEP
- Wakil-wakil Syarikat serta
- Barisan Jawatankuasa CalREx 2023

[Salutasi- Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Career and Industrial Relation Expo CalREx** yang **ke-17** pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, tahniah diucapkan buat Pusat Kerjaya dan Kaunseling atas penganjuran acara yang semestinya ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Program kali ke-17 ini telah diadakan sejak tahun 2004 lagi, oleh Pusat Kerjaya dan Kaunseling. Alhamdulillah, pada kali ini pelaksanaanya, dijayakan bersama Pihak Talentbank. Terima kasih diucapkan kepada Pihak Talentbank.

3. Seperti yang telah kita sedia maklum, Career and Industrial Relation Expo atau CalREx diadakan bertujuan untuk menyediakan platform kepada pelajar, terutamanya para graduan UiTM yang sedang mencari peluang pekerjaan, mengenali industri dan juga bakal majikan dengan lebih lanjut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Menyebut tentang peluang kerjaya, kita tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang kebolehpasaran graduan, yang lazimnya digunakan sebagai indikator keberhasilan sistem pendidikan tinggi di kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

5. Pada tahun lepas, kadar kebolehpasaran graduan di UiTM ialah **89.4 peratus**, iaitu meningkat sebanyak **6.3 peratus** berbanding tahun 2021 iaitu **83.1 peratus**.

6. Saya percaya peningkatan ini adalah hasil usaha semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memastikan pencapaian 90 peratus seperti yang disasarkan pada tahun 2025.

7. Justeru, terima kasih juga saya ucapkan kepada Talentbank dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM kerana sentiasa memberikan sokongan dalam memastikan para graduan universiti khususnya UiTM diberi peluang untuk membina kerjaya dalam pelbagai bidang melalui inisiatif penganjuran ekspo ini secara kolaborasi.

8. Sesungguhnya, pihak UiTM sangat berbesar hati dan terbuka dengan sebarang pelaksanaan inisiatif oleh pihak industri

yang dapat membantu meningkatkan keupayaan dan kemahiran para graduan. Apatah lagi, apabila kemahiran yang diberikan itu adalah selari dengan keperluan dan kehendak industri. Insya-Allah, kami bersedia untuk bekerjasama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Untuk program selama dua hari ini, pelbagai aktiviti yang telah disusun akan dapat memanfaatkan semua yang berkunjung. Ada pameran kerjaya, *Career Talk*, Temu Duga dan sebagainya. Saya berharap para graduan mengambil peluang untuk mendapatkan seberapa banyak informasi tentang peluang pekerjaan dan latihan kemahiran dalam industri yang berkaitan.

10. Terdapat lebih daripada 30 buah syarikat yang terlibat dalam pameran kali ini yang terdiri daripada pelbagai bidang industri serta dan pelbagai tawaran peluang pekerjaan.

Hadirin yang saya kasihi,

11. UiTM akan sentiasa berusaha dan komited dalam melonjakkan lagi kebolehpasaran graduan di peringkat UiTM. Namun begitu, tanggungjawab dan kerjasama yang utuh daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan objektif tersebut

tercapai. Bak kata pepatah, **“Berat sama dipukul, ringan sama dijinjing”**.

12. Menjadi harapan saya agar kolaborasi seperti ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang. Insyaa-Allah.

13. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi saya zahirkan kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Talentbank dan semua yang terlibat menjayakan program ini.

14. Dengan lafaz, **Bismillahirrahmanirrahim**, sukacita saya **Merasmikan Career and Industrial Relation Expo CaIREx ke-17**.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.